



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

PEKELILING PENDAFTAR

BILANGAN 4 TAHUN 2014

KEWAJARAN MARKAH PENILAIAN PRESTASI KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

TUJUAN

- 1- Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan Dasar Wajaran Markah Penilaian Prestasi kakitangan Kolej Universiti INSANIAH.

LATAR BELAKANG

- 2.1 Proses Penilaian Prestasi melibatkan Ketua Jabatan, Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilaian Pertama (PPP), Pegawai Penilaian Kedua (PPK), Panel Pembangunan Sumber Manusia Peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan juga universiti.
- 2.2 Penetapan wajaran markah adalah mengikut aspek penilaian prestasi yang bersesuaian dengan peranan setiap kumpulan kakitangan samada tetap, sementara, kontrak dan sambilan.
- 2.3 Peranan penilaian prestasi adalah dapat digunakan dalam pelbagai fungsi pengurusan sumber manusia seperti kemajuan kerjaya, penempatan dan latihan. Selain itu, prestasi kerja boleh dinilai dengan lebih sistematik dan meyakinkan.
- 2.4 Ketua Jabatan / Dekan Kulliyah / Pengarah Pusat dikehendaki dan diwajibkan mengisi borang penilaian prestasi bagi semua kakitangan dibawah seliaannya.

KAKITANGAN TETAP

- 3- Wajaran bagi Markah Penilaian Prestasi tahunan boleh dijadikan asas pertimbangan bagi kakitangan tetap seperti berikut :

MARKAH	SYARAT PERTIMBANGAN
85 – 100	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
80 – 84	Kenaikan Pangkat
75 – 79	Pengesahan Jawatan
50 – 74	Dalam Perhatian
0 - 49	Statik

Walau bagaimanapun Markah Penilaian Prestasi Tahunan di atas adalah merupakan salah satu syarat daripada syarat-syarat asas dalam pertimbangan untuk tujuan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan penganugerahan anugerah perkhidmatan cemerlang.

Bagi kenaikan pangkat ianya melibatkan kiraan pemberat seperti berikut :

45 %, 35 % dan 20 % berdasarkan nilai prestasi selama 3 tahun.

Contoh Pengiraan

TAHUN	PERATUS	MARKAH PENILAIAN PRESTASI	JUMLAH
2011	20	$60/100 \times 20$	12
2012	35	$80/100 \times 35$	28
2013	45	$90/100 \times 45$	40.5
	100 %		80.5

- Calon layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat oleh kerana telah mendapat markah 80.5.

KAKITANGAN KONTRAK/SEMENTARA/SAMBILAN

4- Wajaran bagi Markah Prestasi Tahunan boleh dijadikan asas pertimbangan bagi kakitangan kontrak/sementara/ sambilan seperti berikut :

MARKAH	SYARAT PERTIMBANGAN
85 – 100	<ul style="list-style-type: none"> - Dilantik semula dengan diberi pergerakan gaji - Penganugerahan Saguhati Perkhidmatan Cemerlang
75 – 84	<ul style="list-style-type: none"> - Dilantik semula tanpa pergerakan gaji
0 – 74	<ul style="list-style-type: none"> - Perkhidmatan tidak disambungkan

TARIKH DIKELUARKAN

- 5- Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tahun **2014** dan membatalkan apa-apa pekeliing atau arahan sebelum ini.

Sumber Rujukan :

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012. (Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang).
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 (Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam)

(ZAID BIN AHMAD, AMK.,BCK.)

Pendaftar